



**TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**

**SEMPENA
MAJLIS AMANAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**

'FAST FORWARD : PANTAS KE HADAPAN'

**Pada 16 Ogos 2018 (Khamis), jam 9.30 pagi,
di Auditorium, Aras 4, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Kota Kinabalu**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah S.A.W, kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama di majlis ini.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama saya pada pagi ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang mengatur perjumpaan ini.
3. Hari ini genap 39 hari saya mengambil alih tugas sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini merupakan perjumpaan pertama saya dengan pegawai-pegawai kerajaan negeri walaupun sebelum ini saya telah mengadakan beberapa siri perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan bersama YAB Ketua Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas kepercayaan kepada saya menerajui perkhidmatan awam negeri. Saya sememangnya menyedari akan harapan tinggi oleh kerajaan ini, tanggungjawab dan cabaran sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri. Namun, saya sentiasa optimis bahawa tanggungjawab dan cabaran ini mampu dihadapi kerana perkhidmatan awam negeri merupakan satu pasukan yang memiliki keupayaan menghadapi apa juga cabaran dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Dan kita semua yang ada di sini,

serta yang tidak dapat bersama-sama pada pagi ini adalah ahli kepada pasukan tersebut.

4. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berbahagia Tan Sri Sukarti bin Wakiman atas sumbangan dan peranannya dalam memperkasa perkhidmatan awam negeri Sabah selama 11 tahun sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.

KEJAYAAN LALU PERKHIDMATAN AWAM

5. Kita bersyukur kerana perkhidmatan awam negeri Sabah mampu mengadaptasi apa juga perubahan sama ada perubahan akibat pertukaran kerajaan yang memerintah mahupun perubahan dasar yang perlu dilaksanakan. Sejak mencapai kemerdekaan, perkhidmatan awam negeri telah memainkan peranan yang amat signifikan sebagai jentera utama kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan negeri. Kita telah membuktikan kecemerlangan dalam pelbagai aspek dan momentum kecemerlangan ini perlu diteruskan.

Tadbir Urus Pengurusan Sumber Manusia

6. Kita bertuah kerana kerajaan sentiasa menghargai sumbangan dan mengambil berat kebajikan penjawat awam menerusi penyediaan dan pemberian pelbagai insentif. Dengan pelbagai kemudahan dan insentif oleh kerajaan ini, tiada sebab bagi kita untuk tidak memberikan perkhidmatan terbaik. Pada tahun ini sahaja, beberapa kemudahan

telah diperkenalkan selain daripada kemudahan dan insentif yang sedang diterima sebelum ini, iaitu:

- i) Kemudahan cuti umrah;
- ii) Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam kepada pegawai wanita mengandung;
- iii) Penambahbaikan waktu bekerja berperingkat (WBB) di agensi kerajaan negeri;
- iv) Cuti rehat khas pemberian wang tunai gantian cuti rehat kepada pegawai perkhidmatan pendidikan (dari 7 hari ke 10 hari);
- v) Kemudahan cuti bersalin pegawai perkhidmatan awam negeri (dari 300 hari ke 360 hari);
- vi) Kebenaran gantian cuti rehat melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan; serta
- vii) Bantuan khas aidilfitri tahun 2018 (RM500.00).

7. Kecemerlangan perkhidmatan awam amat dipengaruhi oleh keupayaan kompetensi penjawat awam dan agensi. Dalam mengurus sumber manusia, kerajaan telah melaksanakan pelbagai pembaharuan sejak dahulu sehingga ke era transformasi perkhidmatan awam. Dan yang terkini, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri telah menyediakan **Pelan Pembangunan Kerjaya**, yakni peta kemajuan kerjaya seseorang pegawai. Pelan ini menetapkan landasan yang jelas mengenai hala tuju kerjaya pegawai, bentuk latihan yang diperlukan, penempatan strategik pegawai serta kaedah penilaian yang efisien berdasarkan Model Kompetensi Kerajaan Negeri. Pelan ini memetakan landasan kerjaya pegawai dengan mengambilkira kriteria-kriteria dan

pengalaman yang perlu dimiliki sebelum pertimbangan peningkatan kerjaya. Melalui pelan ini, adalah diharapkan pegawai mempunyai halatuju yang jelas dalam merancang kerjaya, seterusnya berkeupayaan memberi perkhidmatan terbaik kearah kesejahteraan dan kemakmuran negeri Sabah.

8. Bagi menjayakan semua inisiatif ini, saya meminta semua ketua jabatan agar **mengambil perhatian berat** kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia di agensi masing-masing.

Tadbir Urus Kewangan

9. Dalam mengurus tadbir kewangan, kita berbangga dengan pencapaian Sabah sebagai negeri yang mempunyai keupayaan dalam pengurusan kewangan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 dalam aspek pengauditan prestasi pengurusan kewangan agensi negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti menunjukkan **sebanyak 20 agensi** berada pada tahap cemerlang dengan penarafan 5 bintang, **6 agensi pula berada di tahap baik, 2 agensi tahap memuaskan dan 1 agensi di tahap tidak baik.** Laporan Ketua Audit negara tersebut merumuskan prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah bagi tahun 2017 berada pada **tahap cemerlang** berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Namun kita tidak harus leka kerana laporan itu juga menekankan **keperluan beberapa agensi yang perlu meningkat dan memantapkan** lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Saya meminta semua

agensi agar meneliti dan mematuhi syor-syor audit sebagaimana dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara tersebut, yang boleh diperolehi secara online.

Pengurusan Hutan dan Pelancongan

10. Perkhidmatan awam negeri turut membuktikan pencapaiannya dalam **menguruskan khazanah hutan dan pelancongan**. Sabah memiliki kawasan hutan terbesar yang mendapat pengiktirafan pensijilan antarabangsa di Asia Tenggara, pengiktirafan dalam usaha-usaha pemuliharaan hutan dan pelbagai pengiktirafan yang lain. Dalam aspek pelancongan, sepanjang Januari hingga Jun 2018, seramai 1.89 juta orang pelancong telah melawat ke negeri Sabah. Selain membawa impak ekonomi dan limpahan pendapatan, kebanjiran pelancong ini menunjukkan bahawa **negeri ini ditadbir dengan baik dan selamat dikunjungi**. Kesemua ini terhasil melalui perancangan dan dasar kerajaan negeri yang **diterjemahkan dengan baik** oleh perkhidmatan awam negeri.

Penurunan Kadar Kemiskinan

11. Kejayaan sesuatu program atau dasar kerajaan memerlukan koordinasi dan kerjasama banyak pihak. Alhamdulillah, melalui perancangan dan inisiatif secara bersepadu pelbagai agensi, Sabah telah mencatat pencapaian yang memberangsangkan dalam usaha mengurangkan jumlah kemiskinan. Kadar kemiskinan telah menunjukkan penurunan yang signifikan kepada 2.9 peratus pada tahun 2016. Kita berharap kadar kemiskinan ini akan terus menurun melalui pelbagai **program secara**

bersepadu oleh pelbagai agensi, khususnya yang berbentuk peningkatan pendapatan golongan miskin dan mensejahterakan rakyat di luar bandar.

Pembangunan ICT

12. Di peringkat nasional, perkhidmatan awam negeri Sabah juga merupakan antara yang berada di hadapan dari segi kemajuan dan keselamatan dalam bidang ICT.

Kejayaan di Sektor Lain

13. Jika disenaraikan satu persatu pelbagai kejayaan perkhidmatan awam negeri, kita tentunya akan beroleh satu senarai pencapaian agensi yang agak panjang. Kejayaan di sektor-sektor yang saya nyatakan di atas hanyalah untuk menunjukkan beberapa contoh bagaimana perkhidmatan awam negeri **memainkan peranan yang signifikan dan penting** dalam aspek pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Kita sebenarnya boleh berbangga dengan kejayaan dalam sektor-sektor lain seperti pembangunan perindustrian, pembangunan infrastruktur, belia, wanita, pertanian dan penternakan, kebajikan rakyat, kemudahan awam, penyediaan perkhidmatan dan sebagainya.

14. Walau apa pun sektor atau agensi yang membawa kecemerlangan tersebut, ia akan tetap dilihat sebagai kejayaan perkhidmatan awam. Kita merupakan satu pasukan yang berkongsi setiap pencapaian kejayaan. Kita **berkongsi bersama** kebanggaan ini.

Imej Negatif Secara Bersama

15. Apabila sesuatu kejayaan itu dilihat sebagai kejayaan bersama, maka kita juga tidak dapat lari daripada menerima kesan yang sama bila berlakunya sesuatu **perbuatan negatif oleh segelintir penjawat awam**. Ini bermakna dalam melaksanakan tanggungjawab dan kuasa yang diberi, kita hendaklah meletakkan kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi. Sebarang tindakan berbentuk negatif, akan menyebabkan imej negatifnya turut dirasakan oleh penjawat awam atau agensi yang lain. Jika ini berlaku, kita akan berhadapan dengan persepsi umum negatif dan memerlukan masa yang panjang untuk memulihkan imej. Dalam keadaan seumpama ini, apa juga pencapaian cemerlang ada kalanya tidak lagi dihargai oleh masyarakat.

VISI DAN AMANAT

16. Apa yang ingin saya tekankan ialah kita bukan sahaja perlu meneruskan momentum kecemerlangan, malah melaksanakan perubahan secara menyeluruh dan berterusan mencakupi semua agensi negeri. Pada masa yang masa, impak positif yang terhasil hendaklah bebas daripada isu-isu integriti yang menjejaskan keberkesanan sistem penyampaian dan imej perkhidmatan awam negeri. Kearah itu, saya ingin menekankan konsep **Fast Forward: Pantas ke Hadapan** dengan bercirikan **perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, perkhidmatan awam berintegriti, penetapan KPI dan bijak dalam menangani cabaran**.

FAST FORWARD : PANTAS KE HADAPAN

17. Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan awam negeri yang **Pantas ke Hadapan**? Kita perlu menyedari bahawa melaksanakan tugas rutin semata-mata tidak lagi relevan pada masa kini. Perkhidmatan awam negeri memerlukan penjawat awam yang **mampu berfikir ke hadapan, berpandangan jauh, memiliki budaya kesegeraan**, perkhidmatan berasaskan **keberhasilan, kualiti dan produktiviti** dengan **disulami nilai integriti dan profesionalisme**.

18. Kita memerlukan penjawat awam yang mempunyai keupayaan untuk meneroka masa depan dengan imaginasi dan kebijaksanaan. Kita memerlukan jiwa penjawat awam yang bertanggungjawab, bukan hanya mampu mengadaptasi perubahan, sebaliknya mencipta peluang untuk masa depan.

19. Kearah itu, perkhidmatan awam negeri memberi galakan kepada para pegawai untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana. Pada tahun ini seramai 19 pegawai akan ditaja untuk mengikuti pengajian dalam negara di peringkat sarjana. Mulai tahun 2019, kita akan membuka **tawaran biasiswa keluar negara** khususnya di universiti terkemuka seperti Cambridge dan Oxford. Pegawai-pegawai muda pula akan diasah bakat dan kompetensi mereka secara berterusan kerana kita menyedari mereka inilah yang bakal mewarisi kepimpinan perkhidmatan awam pada masa hadapan.

20. Di peringkat agensi, ketua-ketua jabatan hendaklah **menggalakkan budaya percambahan fikiran**, pembudayaan kreativiti dan inovasi, merancang kerja dan memikirkan perubahan untuk masa hadapan. Tindakan ini boleh dilakukan dengan cara

mengubah budaya, sistem dan cara kerja yang lama. Untuk bergerak ke hadapan, agensi hendaklah melihat potensi yang ada khususnya membina kapasiti modal insan.

21. Kita mengakui bahawa budaya kreatif dan inovatif bukanlah suatu perkara baharu dalam perkhidmatan awam. Namun, kita juga harus mengakui bahawa istilah kreatif dan inovatif ini ada kalanya **hanya menjadi slogan semata-mata tanpa inisiatif secara terancang** untuk menggerakkannya di peringkat agensi dan di kalangan pegawai masing-masing. Untuk melestarikan kemajuan dan kemakmuran negeri ini, perkhidmatan awam negeri mesti memikirkan pelbagai strategi inovatif yang mampu menjana hasil. Saya meminta agar perkara ini diberi perhatian serius oleh setiap agensi negeri.

Perkhidmatan Awam Berprestasi Tinggi

22. Mungkin Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan tertanya-tanya, adakah perkhidmatan kita pada ketika ini tidak menggambarkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi. Sebenarnya, apa yang saya maksudkan dengan berprestasi tinggi ialah sistem penyampaian perkhidmatan yang **terbaik dan berkesan** dengan mengambil kira **perkhidmatan yang tersurat dan tersirat**. Contoh perkhidmatan tersurat adalah keupayaan agensi memberikan perkhidmatan yang cekap, tepat atau mungkin lebih awal mengikut piagam yang telah ditetapkan. Manakala perkhidmatan yang tersirat adalah **sifat dan pendekatan** kita semasa berhadapan dengan pelanggan sama ada mesra, jujur dan bebas daripada unsur-unsur pilih kasih. Sehingga kini, kita masih mendengar suara-suara sumbang di luar sana yang memperkatakan ketidakcepan

perkhidmatan oleh agensi, kasar, pilih kasih dan sebagainya. Suara-suara ini hanya boleh dilenyapkan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien.

23. Kepantasan **perkhidmatan secara online** turut mempengaruhi perkhidmatan berprestasi tinggi. Justeru itu, perkhidmatan awam negeri hendaklah memperbanyakkan lagi kaedah perkhidmatan ini. Pelanggan memerlukan perkhidmatan pantas, tidak perlu datang ke pejabat, sebaliknya menggunakan aplikasi online yang disediakan agensi pada bila-bila masa.

24. Sebagai sebuah negeri yang mendokong dan menyokong penggunaan ICT, kerajaan negeri sentiasa berusaha memastikan **penyediaan prasarana serta infrastruktur ICT** yang lebih mantap agar kesemua aktiviti yang melibatkan keperluan internet berkelajuan tinggi dapat dilaksanakan. Semua agensi negeri perlu memastikan transformasi perkhidmatan awam negeri perlu berlaku dengan melaksanakan **transformasi digital bagi perkhidmatan utama** yang mana melibatkan urusan dengan rakyat. Perkhidmatan kaunter juga harus dikurangkan dan digantikan dengan kiosk ataupun mempertingkatkan perkhidmatan online. Tempoh masa untuk membuat transaksi bayaran secara dalam talian atau online kepada rakyat dan entiti bisnes perlu disingkatkan manakala penerimaan bayaran secara dalam talian hendaklah direalisasikan dengan segera tanpa melanggar sebarang Arahan Perbendaharaan. Kesemua ini saya percaya dapat dilaksanakan dengan penggunaan ICT.

25. Penjawat awam perlu bersedia **melengkapkan diri dengan meningkatkan kefahaman dan kemahiran ICT** sebagai prasyarat kepada perkhidmatan awam

berprestasi tinggi. Ini termasuklah dalam Pengurusan Data Raya (Big Data Management), Mobile Computing dan juga Internet of Things (IOT) agar sebarang perancangan, keputusan dan tindakan dapat dibuat dengan lebih cekap, cepat dan tepat. **Penyelidikan terhadap kemunculan teknologi** baru seperti Blockchain Technology perlu diteliti agar kerajaan negeri sentiasa bersedia terhadap sebarang perubahan dalam domain ICT. Di samping itu, kecanggihan teknologi dalam menjaga dan **mengukuhkan keselamatan ICT** perkhidmatan awam dalam dunia siber perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar keselamatan maklumat digital kerajaan sentiasa pada tahap yang maksimum.

26. Dalam konteks **interaksi dan hubungan dengan pelanggan**, keupayaan menyediakan perkhidmatan yang cekap berkait rapat dengan pengurusan sumber manusia yang strategik. Selain pengurusan sumber manusia secara terancang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri yang saya nyatakan di awal tadi, ketua-ketua jabatan juga boleh menilai dan melihat secara terus setakat mana keupayaan anggota di agensi masing-masing dalam melaksanakan tugas setiap hari. Pemantauan dan pemerhatian membolehkan kita mengetahui secara dekat kompetensi dan budaya setiap anggota kita.

27. Saya berpendapat telah sampai masanya bagi setiap agensi memastikan tiada anggota yang hanya menjadi penumpang di agensi masing-masing. Jika keberadaan anggota tersebut tidak lagi relevan dalam memberi perkhidmatan, kita mempunyai peraturan yang jelas untuk menanganinya, termasuk melalui **Dasar Pemisah**.

28. Saya percaya setiap agensi mempunyai KPI masing-masing. **Pencapaian KPI** merupakan petunjuk kepada agensi yang berprestasi tinggi. Setiap tindakan di peringkat agensi mempunyai **rantaian tanggungjawabnya**, dari pegawai sokongan sehingga ke pegawai atasan. Setiap proses dalam rantaian tugas itu akan ditanya pencapaiannya. Dan peringkat tertinggi pertanyaan itu adalah melalui **persidangan Dewan Undangan Negeri**. Disinilah munculnya konsep tanggungjawab di mana kita tanggung tugas yang diamanahkan dan kita jawab pencapaian tanggungan tersebut.

29. Di peringkat negeri juga, perkhidmatan awam negeri sedang dalam proses membentuk KPI berteraskan **13 teras utama** yang ditekankan oleh kerajaan baharu. Dalam hubungan ini, saya meminta semua ketua jabatan berkenaan agar dapat menyegerakan tindakan di peringkat agensi masing-masing serta bekerjasama dengan Unit Penyampaian dalam menilai pelaksanaan dan pencapaian KPI agensi masing-masing.

Perkhidmatan Awam Berintegriti

30. Integriti merupakan satu konsep yang luas dalam perkhidmatan awam. Daripada **rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan** sehinggalah kepada isu-isu berkaitan **disiplin** seperti masalah kehadiran, tidak mesra pelanggan, membuang masa dan menanggung kerja, kebocoran maklumat, prestasi kerja tidak memberansangkan dan amalan-amalan lain yang berbentuk negatif.

31. Kita merasa sedih apabila ada rakan-rakan kita yang **ditangkap dan disiasat** pihak berkuasa kerana disyaki terlibat dengan penyelewengan. Ia tambah menyedihkan apabila masyarakat di luar sana mempersepsikan seolah-olah mereka telah bersalah walaupun belum disabitkan kesalahan. Namun begitu, kita tidak boleh menyalahkan persepsi masyarakat ini kerana persepsi itu terbentuk melalui pengamatan ke atas sikap penjawat awam sendiri dan pengalaman yang mereka lalui semasa berurusan dengan agensi kerajaan.

32. Saya ingin menegaskan bahawa saya **tidak berkompromi** dengan perbuatan salahlaku, rasuah dan penyelewengan penjawat awam negeri. Selaku pemegang amanah, kita sepatutnya bertindak dan **menjalankan tugas mengikut undang-undang dan peraturan** yang sedang berkuatkuasa. Penjawat awam mesti memiliki nilai-nilai asas dalam diri mereka iaitu **ikhlas**, yakni **hati yang bersih dan suci**, serta **jujur**, yakni **perbuatan yang benar, tidak menipu sama ada dalam bentuk perbuatan, tingkah laku mahupun kata-kata**.

33. Untuk menjaga nama baik perkhidmatan awam dan mengekang unsur-unsur rasuah, mungkin telah sampai masanya kita **peduli dengan persekitaran kita**, peka dengan perubahan gaya hidup rakan-rakan di sekeliling kita dan bersedia memberi makluman atau teguran kepada mereka secara baik. Kita mungkin terleka dan terlupa bahawa orang di sekeliling kita sentiasa memerhatikan kita. Malah tidak mustahil jika pihak yang melaporkan kepada pihak berkuasa datang daripada ahli keluarga sendiri.

34. Saya percaya tiada siapa pun di sini yang mahu namanya berada dalam senarai statistik rasuah, salahguna kuasa mahupun penyelewengan. Penjawat awam mesti beringat bahawa penglibatan dalam jenayah ini akan membawa kepada **kekesalan yang tidak berkesudahan**. Berfikirlah berpuluh kali jika mahu melakukan perkara-perkara durjana ini kerana pada penghujungnya, ia akan **berakhir dengan kehinaan**. Oleh itu, nasihat saya, mudah sahaja, jangan sekali-kali terjebak dengan amalan-amalan negatif yang bertentangan dengan akujanji kita sebagai penjawat awam.

35. Bagi mengekang gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, kita akan merombak kembali Pelan Integriti Perkhidmatan Awam Negeri Sabah yang digubal pada awal Februari tahun ini. Penekanan akan diberikan kepada hasrat kita **mengekang jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan**, selari dengan komitmen memerangi jenayah rasuah di peringkat persekutuan melalui penubuhan **Jawatankuasa Anti Rasuah**. Untuk tujuan ini, kita akan mengadakan beberapa siri engagement khususnya dengan SPRM.

36. Isu-isu berkaitan disiplin penjawat awam seakan tiada kesudahannya. Kita masih terus mendengar kegagalan sistem penyampaian akibat sikap negatif penjawat awam. Saya berharap semua ketua jabatan, ketua bahagian atau penyelia di setiap agensi dapat memainkan peranan untuk **memantau, memberikan motivasi, peringatan dan tindakan sewajarnya** bagi mengatasi isu-isu berkenaan, **termasuk larangan penglibatan secara aktif dalam kegiatan politik**. Semua agensi perlu proaktif menangani isu disiplin seperti mengkaji sistem kawalan dalaman dan menguatkuasakan

peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Era berkompromi terhadap pegawai yang sering menimbulkan masalah, **telah berakhir**.

Bijak Menangani Cabaran

37. Saya melihat bahawa perkhidmatan awam negeri tidak berhadapan dengan masalah besar dari segi memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Telah terbukti bahawa kita mampu melaksanakan apa juga dasar, program atau polisi baru yang diperkenalkan.

38. Cabaran yang kita hadapi sebenarnya **berada di dalam diri kita sendiri**. Adakah kita bersedia untuk terus belajar, mengubah diri dan agensi kita kearah yang lebih baik? Adakah kita sentiasa berfikir dan melaksana perubahan? Perlu diingat bahawa kita berada dalam **persekitaran globalisasi**, dengan apa yang dikatakan sebagai dunia tanpa sempadan, masyarakat yang lebih terbuka dan vokal. Kegagalan kita menangani setiap cabaran ini, akan menyebabkan kita ketinggalan dan meletakkan agensi dan perkhidmatan awam kepada **risiko tidak lagi relevan kewujudannya**. Kita mesti bijak menangani apa juga cabaran, **keluar dari zon selesa dan menerajui perubahan** bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dengan peredaran zaman.

39. Kita telah melalui beberapa **perubahan mendadak yang tidak dijangka dan di luar kawalan** kita. Antara yang boleh dijadikan contoh termasuklah kejadian **gempa bumi serta serangan di Tanduo**. Hanya selepas kejadian berlaku, barulah kita berfikir cara membina bangunan-bangunan kalis gempa dan meningkatkan keselamatan. Kita

sering dibuai dalam zon selesa sehingga tidak menyedari bahawa kita akan berhadapan dengan masalah. Justeru itu, kita perlu **menilai semula** apa yang sedang kita lakukan, halatuju, sumber yang ada, cara bekerja dan struktur organisasi.

40. Perkhidmatan awam negeri juga mesti bersedia untuk **sentiasa mendengar suara rakyat**. Mantra *government knows best* tidak lagi relevan pada masa kini. Rakyat masih **memerlukan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan** dari kita. Dengan kerajaan baharu, rakyat sudah tentu inginkan suara mereka didengar apatah lagi jika keperluan itu mendesak. Dan kebiasaannya, selain penggunaan pemimpin-pemimpin tradisi seperti JKKK dan Ketua Kampung serta media-media baru dalam mengemukakan permintaan, **wakil-wakil rakyat** turut berperanan menyampaikan kehendak rakyat kepada kita. Disinilah peranan kita untuk **turut bersama-sama dengan rakyat melalui wakil rakyat** bagi memastikan penyediaan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh rakyat. Kita bersama-sama dengan rakyat untuk mensejahterakan rakyat. Perkhidmatan awam hendaklah memiliki hubungan baik dengan semua pihak termasuk kepimpinan politik.

HARAPAN

41. Saya berharap penjawat awam negeri, agensi dan seterusnya perkhidmatan awam negeri akan terus bergerak pantas ke hadapan di semua sektor. Seiring dengan sikap profesionalisme yang sentiasa berpegang kepada falsafah **setia kepada kerajaan yang memerintah**, marilah kita bersama-sama membentuk satu pasukan dengan tekad dan iltizam yang tinggi, **Pantas Ke Hadapan berpaksikan nilai-nilai integriti yang**

utuh. Perkhidmatan awam negeri memerlukan komitmen seluruh anggotanya dalam mencapai visi yang disasarkan oleh kerajaan.

PENUTUP

42. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan ke majlis ini. Saya berharap amalan integriti kita, integriti agensi kita, integriti perkhidmatan awam negeri akan **seiring dengan kepantasan kita bergerak ke hadapan.** Saya sentiasa yakin bahawa kita mampu untuk memberi perkhidmatan terbaik, melangkaui ekspektasi rakyat dan stakeholder. Di bahu kitalah terpikulnya aspirasi kerajaan dan stakeholder. Di bahu kitalah terpikulnya amanah rakyat demi **Melestarikan Kemajuan dan Kemakmuran Negeri Sabah.**

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.